



29 Mei 2015
29 May 2015
P.U. (A) 100

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (BANDARAYA KUALA LUMPUR) 2015

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(CITY OF KUALA LUMPUR) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) 2015**

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 178 yang disiarkan pada 17 April 2015, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*];

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Dato Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) Akta itu, Dato Bandar Kuala Lumpur, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan, dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang tersebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) 2015.**

- (2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2015.

Larangan

2. Pemanduan semua kenderaan di atas bahagian jalan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama, sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan dari arah yang ditentukan dalam ruang (2) Jadual Pertama, mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1) <i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	(2) <i>Arah yang ditentukan</i>	(3) <i>Tempoh larangan</i>
Sebahagian Jalan Cochrane dari persimpangannya dengan Jalan Tun Razak hingga ke persimpangannya dengan Jalan Shelly sebagaimana yang ditandakan dalam peta dalam Jadual Kedua	<p>(i) Kenderaan dari Jalan Tun Razak menghala ke Jalan Shelly hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p> <p>(ii) Kenderaan dari Jalan Shelly menghala ke Jalan Tun Razak hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua</p>	1 Jun 2015 hingga 3 Mac 2016

JADUAL KEDUA

